



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 23 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAQIS GAGALKAN CUBAAN SELUDUP 10 KONTENA KAYU DARI CHILE, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -24	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2. 3. 4.	PAHANG DVS LENDS HAND TO 'HELLO KITTY MAKCIK', NEWS IN BRIEF, NST -15 JPV RAWAT 100 KUCING IBU TUNGGAL, LOKAL, HM -16 LEMBU 'SADO' SEBERAT 800 KILOGRAM CURI TUMPUAN PADA PROGRAM KORBAN, BERNAMA -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	THREE METRIC TONS OF DURIAN SOLD OUT IN ONE HOUR, GUANG MING DAILY -ONLINE FAMA BELI 3 TAN DURIAN PENIAGA, SH -ONLINE DURIAN DIJUAL SERENDAH 50 SEN DI JELI, TANAH MERAH, HM -ONLINE LAMBAKAN DURIAN KAMPUNG, PEKEBUN BUNTU KENANG KERUGIAN, GETARAN -ONLINE TUDUH FAMA TAK BANTU, PEMBORONG DURIAN AKUI TERTEKAN, UM -ONLINE 'VIDEO LAMBAKAN DURIAN BUKAN UNTUK SALAHKAN SESIAPA', HM -ONLINE 11. PENIAGA DURIAN MOHON MAAF, KOSMO -ONLINE 12. PENIAGA DURIAN MOHON MAAF, NEGARA, KOSMO -14 13. FAMA BELI 3 TAN DURIAN PENIAGA, NEGERI PERAK/P.PINANG, SH -27	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
14. 15.	'IKHLAS UNTUK MALAYSIA' MISI BERNAS BANTU MASYARAKAT, NIAGA, KOSMO -30 BERNAS SUMBANG KOTAK MAKANAN, EKONOMI, UM -31	PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
16. 17.	SEKTOR PELANCONGAN TENAT, PEMANDU ALAM SEKITAR TANAM CILI, UM -ONLINE SEKTOR PELANCONGAN TENAT, PEMANDU ALAM SEKITAR TANAM CILI, DALAM NEGERI, UM -25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	24

Maqis gagalkan cubaan seludup 10 kontena kayu dari Chile



Kontena muatan produk kayu dari Chile ditahan di Pelabuhan Tanjung Pelepas pada Rabu.

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor menggagalkan cubaan membawa masuk produk kayu pinus radiata pine di Pelabuhan Tanjung Pelepas di sini pada Rabu.

Pengarahnya, Hizzuan Hasim berkata, 10 kontena muatan produk kayu terbabit dari negara Chile dikesan semasa pemeriksaan rutin dilaku-

kan pegawainya pada jam 3.45 petang.

Menurut beliau, hasil pemeriksaan mendapati nombor permit Maqis yang dikemukakan tidak sama seperti tertera di dalam sijil fitosanitasi yang diikrarkan bagi produk kayu pinus radiata pine tersebut.

"Kesemua produk kayu ini dianggarkan bernilai RM508,889. Kes akan disiasat di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana melakukan pengisytiharan yang mengelirukan pihak berkuasa.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM75,000 atau dipenjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali," jelas beliau menerusi kenyataan pada Khamis.

Maqis turut menasihatkan agar semua pengimport dan pengeksport sentiasa mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan agar kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan terpelihara di Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2021	NST	NEWS IN BRIEF	15

Pahang DVS lends hand to 'Hello Kitty Makcik'

KUANTAN: The Pahang Veterinary Services Department has come forward to treat some 100 cats belonging to Hello Kitty costume entertainer Siti Endon Ismail at her house in Kubang Buaya near here. Its director, Dr Kamaliah Ghazali, said the district Veterinary Services office, led by its officer, Norman Abdul Rahman, had visited the 58-year-old single mother to treat the cats. She said the cats were given worm medication, ear mites and flea treatment, eye ointment and vitamins. The department also advised Siti Endon, who has been dubbed the "Hello Kitty Makcik" by the media, on proper care for the cats. Dr Kamaliah said many of the cats showed signs of malnutrition due to various factors, including food and irregular vaccination.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2021	HARIAN METRO	LOKAL	16

JPV rawat 100 kucing ibu tunggal

Kuantan: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) membantu merawat kira-kira 100 kucing milik ibu tunggal, Siti Endon Ismail yang menetap bersama haiwan terbabit di Perumahan Kubang Buaya di sini.

Pengarah JPV Pahang Dr Kamaliah Ghazali berkata, antara rawatan segera yang diberikan ialah memberi ubat cacing, ubat kutu, vitamin, ubat selsema dan ubat mata kepada semua kucing peliharaan wanita itu.

Menurutnya, pihaknya juga turut memberi nasihat termasuk panduan kepada Siti Endon berkaitan penjagaan haiwan dan pemakanan serta persekitaran tempat tinggal haiwan itu.

“Pejabat Perkhidmatan Veterinar (PPV) Daerah Kuantan diketuai pegawainya, Norman Abdul Rahman sudah ke rumah wanita berkenaan untuk melihat seterusnya memberi rawatan pada semua kucing miliknya,” katanya.



DR Kamaliah (kiri) menyerahkan ubat untuk rawatan kucing kepada Siti Endon di Perumahan Kubang Buaya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

Lembu 'sado' seberat 800 kilogram curi tumpuan pada program korban



Lembu sado jantan baka Charolais yang disembelih pada Program Korban PAS Gunung Semanggol, Kerian, Perak hari ini

BAGAN SERAI, 22 Julai – Seekor lembu jantan 'sado' seberat 800 kilogram mencuri tumpuan dalam satu program korban di sini berikutan fizikalnya selain berat yang boleh menyamai empat ekor lembu saiz biasa.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak Razman Zakaria berkata lembu tersebut antara enam ekor lembu yang disembelih pada Program Korban Gunung Semanggol di Markas PAS Masjid Tinggi hari ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Gunung Semanggol berkata lembu baka Charolais itu yang dibeli dengan harga mencecah RM20,000, berjaya disembelih dengan sempurna meskipun saiznya yang besar.

Menurut beliau sebanyak 70 bungkus daging lembu itu diagihkan kepada penduduk sekitar termasuklah penduduk di Kampung Tersusun Pondok Tanjung dan Kampung Lubok Binjai yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sejak Selasa lepas.

"Kita agihkan daging korban kerana penduduk terlibat tidak dapat keluar dari rumah dan tidak dapat menikmati suasana sambutan Aidiladha," katanya yang optimis ternakan lembu sado mempunyai pasaran yang baik di negeri ini seperti yang telah dilaksanakan di Terengganu.

Dalam pada itu, Razman berkata susulan lambakan durian pada Hari Raya Aidiladha, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merancang untuk membeli lebih banyak raja buah tersebut bagi membantu peniaga daripada mengalami kerugian.

Beliau berkata kerajaan negeri sedar terhadap masalah dihadapi peniaga durian terlibat yang memerlukan campur tangan dan penyelesaian bagi memberikan situasi menang-menang untuk semua pihak termasuk para pembeli.

-- BERNAMA



23 JUL, 2021

Three metric tons of durian sold out in one hour

Guang Ming Daily, Malaysia

Page 1 of 2

1公斤5元 3公噸榴梿1小時賣完

(瓜拉登嘉樓22日訊) 3公噸的甘榜榴梿直接从果园运抵农产品市集售卖, 每公斤5令吉的榴梿一个小时内卖光!

登州联邦农业销售局(FAMA)周四在希礼兰农产品市集售卖直接从果园运来的3公噸甘榜榴梿、200公斤山竹及500公斤红毛丹, 原定从早上8时开卖至早上11时, 可是短短一个小时就卖完所有水果, 反应热烈。

登州联邦农业销售局局长仄甘尼受访时指出, 为了让民众可以低价购买到新鲜榴梿, 该局直接从勿述果园把甘榜榴梿运来农产品市集售卖, 每公斤售价5令吉。

他说, 市场上每公斤甘榜榴梿的价格介于6令吉至9令吉, 该局所定的价格相对比较便宜, 因此吸引民众购买。

“我们会在周六(24日)再次售卖甘榜榴梿、红毛丹及山竹, 为了让更多人享受到这些新鲜水果, 我们会限制每人购买的数量。”



■登州联邦农业销售局直接从果园把榴梿运到农产品市集售卖, 价格比市场便宜。



23 JUL, 2021

Three metric tons of durian sold out in one hour

Guang Ming Daily, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

1公斤5元

3公噸榴梿1小時賣完(瓜拉登嘉樓22日訊) 3公噸的甘榜榴梿直接从果园运抵农产品市集售卖，每公斤5令吉的榴梿一个小时内卖光！登州联邦农业销售局(F A M A)

周四在希礼兰农产品市集售卖直接从果园运来的3公吨甘榜榴梿、200公斤山竹及500公斤红毛丹，原定从早上8时开卖至早上11时，可是短短一个小时就卖完所有水果，反应热烈。登州联邦农业销售局局长仄甘尼受访时指出，为了让民众可以低

23 JUL., 2021

FAMA beli 3 tan durian peniaga



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA beli 3 tan durian peniaga

Susulan tular video penjual di Larut bimbang durian tak laku

Oleh SAIFULLAH AHMAD

LARUT

MUSIM RAJA BUAH

P anik dua tan durian tidak terjual, seorang peniaga bertindak menularkan video di media sosial untuk menarik simpati orang ramai termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Peniaga tersebut, Mohd Firdaus Endut, 41, berkata, video itu dirakam secara spontan di gerainya di Ijok di sini pada Isnin sebelum tular beberapa hari.

Menurutnya, video yang tular itu berjaya menarik perhatian Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria dan pihak FAMA yang

membantu menyelesaikan masalah tersebut.

"Video itu sebenarnya tidak berniat untuk menyalahkan sesiapa termasuk FAMA, tetapi apa yang berlaku itu spontan sebab saya ketika itu dalam keadaan tertekan, buah banyak tak boleh jual.

"Lambakan durian berlaku ketika itu dengan kira-kira dua tan buah tidak boleh dijual kerana pemborong tak ambil sebab Hari Raya Aidiladha," katanya kepada pemberita selepas ditemui di premisnya di Ijok di sini pada Khamis.

Mohd Firdaus turut mengakui dakwaan bahawa FAMA tidak mengambil tahu tentang masalah yang dihadapi dalam video tular itu tidak tepat dan menghargai tindakan pantas FAMA membeli buah duriannya.

Katanya, sebelum ini terdapat pemborong dari Kelantan dan Terengganu yang mengambil buah durian itu, namun disebabkan ke-



Mohd Firdaus (kiri) memberi penerangan kepada Razman (tengah) mengenai isu durian yang tular sebelum ini di premis jualannya di Ijok, Larut pada Khamis.

yang luruh serentak mengakibatkan lambakan tersebut berlaku.

Menurutnya, ketika ini harga durian kampung di peringkat peraih adalah antara RM2.50 hingga RM3.50 sekilogram kerana jumlah

durian yang luruh semakin banyak.

Sementara itu, Razman yang turun padang melihat keadaan itu menegaskan bahawa FAMA sentiasa proaktif dalam memastikan tidak berlaku lambakan buah

durian bagi membantu pekebun dan peraih.

Menurutnya, sebanyak tiga tan durian milik Mohd Firdaus diambil oleh FAMA untuk dipasarkan ke Kedah, Selangor dan Perak.

"Kita harap petani boleh terus terhubung dengan FAMA atau pejabat saya jika berlaku masalah lambakan durian. Tak perlulah buat video dan tularan untuk selesaikan masalah.

"Keadaan ini sebenarnya berlaku disebabkan pemborong dan peniaga tidak dapat mengambil durian disebabkan hari raya. Kedai-kedai juga banyak yang tutup," katanya.

Menurutnya, lambakan yang berlaku tidaklah begitu besar dan dakwaan FAMA tidak membantu petani juga tidak tepat.

Beberapa hari lalu, video berdurasi 2 minit 22 saat itu tular di media sosial berkenaan berlaku lambakan durian dengan mendakwa FAMA tidak mengambil tahu keadaan tersebut.



23 JUL, 2021

FAMA beli 3 tan durian peniaga

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Susulan tular video penjual di Larut bimbang durian tak laku

Panik dua tan durian tidak terjual, seorang peniaga bertindak menularkan video di media sosial untuk menarik simpati orang ramai termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Peniaga tersebut, Mohd Firdaus Endut, 41, berkata, video itu dirakam secara spontan di gerainya di Ijok di sini pada Isnin sebelum tular beberapa hari.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Durian dijual serendah 50 sen di Jeli, Tanah Merah



© Provided by Harian Metro Mokhtar Zakaria, 67 menunjukkan durian kampung yang gugur di Kampung Lawang, di sini. FOTO NIK ABDULLAH NIK OMARnfazlina@nstp.com.my

Tanah Merah: Lambakan durian di sekitar Jeli dan Tanah Merah menyebabkan harga raja buah itu jatuh sehingga dijual antara 50 sen hingga RM1.50 bagi sekilogram untuk harga borong.

Harga runcit pula dijual sekitar RM2 hingga RM2.50 untuk satu kg menyebabkan peniaga mendakwa, ia direkodkan paling rendah dalam tempoh puluhan tahun sehingga mereka kehilangan pendapatan.

Peniaga juga terpaksa mengambil inisiatif menghasilkan tempoyak dan lempuk durian memandangkan banyak durian yang tidak terjual selain mengelak daripada pembaziran.

Mokhtar Zakaria, 67, berkata, harga durian tahun ini adalah paling rendah direkodkan sejak 30 tahun lalu dia terbabit dalam perniagaan durian.

Dia yang mengusahakan tiga hektar kebun durian berkata, setiap hari dia memperoleh 400 kilogram (kg) sehari durian, namun hanya 200 kg yang terjual.

"Jika sebelum ini harga paling murah pun RM3 sekilogram bagi harga borong, namun tahun ini saya tidak menyangka harga jatuh sehingga RM1.50 sekilogram.

"Keadaan ini (harga jatuh) tahun ini disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan pemborong dari luar tidak dapat mengambil bekalan dari kami.

"Sebelum ini, untuk satu musim durian saya mampu memperoleh RM20,000, namun kini untuk dapat RM5,000 pun agak susah," katanya ketika ditemui di Kampung Lawang, di sini.

Mokhtar berharap pihak berkuasa dapat melonggarkan sekatan jalan raya (SJR) bagi membolehkan bekalan buah dapat dijual di luar Kelantan.

"Buat masa ini, hanya dua pemborong datang mengambil bekalan buah untuk di jual di luar Kelantan selain menjualnya kepada pemborong tempatan," katanya.

Peniaga, Wan Mohd Rosdi Wan Mohamad, 37, berkata, dia mengusahakan 2.4 hektar kebun durian berkata, kebunnya menghasilkan 500 kg durian sehari dengan sebahagiannya adalah durian kampung gred B.

Menurutnya, jika gred A ianya dijual dengan harga RM2, bagi gred B pula kebanyakannya tidak terjual menyebabkan dia perlu membuat tempoyak atau lempuk.

"Bagi buah gred B, pemborong hanya mahu mengambil dengan harga 50 sen sahaja bagi sekilogram. Keadaan ini dijangka akan terus menjunam seminggu lagi menyebabkan ketika itu harga durian memang tidak bernilai.

"Justeru, saya meminta pihak berkaitan mengambil langkah sepatutnya untuk membantu pengusaha durian," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Lanas-Jedok, Zulkifli Yunus berkata, lambakan berlaku disebabkan pekebun sukar bergerak selain berlaku kemasukan durian dari Thailand.

Katanya, pihaknya sedang mengadakan perbincangan dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) supaya membantu pekebun dengan membeli hasil buah berkenaan.

"Anggaran pengeluaran durian di Jeli dan Tanah Merah sahaja secara purata bagi satu musim adalah 20,000 tan dan kita berharap masalah yang berlaku dapat diatasi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2021	GETARAN	ONLINE	

Lambakan Durian Kampung, Pekebun Buntu Kenang Kerugian



TANAH MERAH - Musim durian kembali lagi dan jualan raja buah itu kembali merancakkan suasana, meskipun negara masih dibelenggu ancaman pandemik COVID-19.

Di merata tempat di ibu negara misalnya, gerai jualan tidak putus dikunjungi pelanggan yang tidak kisah melabur wang walaupun harga dikenakan peniaga agak tinggi.

Keadaan berbeza bagaimanapun melanda 2,000 pekebun durian di Tanah Merah dan Jeli di sini, apabila berlaku lambakan durian kampung, menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian.

Jumlah buah yang terlalu banyak menyebabkan paras harga diletakkan pemborong jatuh antara 50 sen sehingga RM1.50 sekilogram.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Lanas-Jedok, Zulkifli Yunus, 62, berkata, kesemua 2,000 pekebun itu menghasilkan 20,000 tan buah pada setiap musim.

Katanya, hasil yang banyak dan pergerakan pekebun yang terbatas akibat pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan banyak buah tidak dapat dijual untuk pasaran luar, sehingga mendatangkan kerugian besar.

“Kebiasaannya pekebun boleh bergerak untuk menjual hasil, namun disebabkan PKP, mereka tidak dapat keluar dari kawasan masing-masing. Ia menyebabkan buah tidak dapat dijual dan bagi mengelakkan pembaziran, penduduk terpaksa memprosesnya bagi dijadikan tempoyak atau lempuk.

“Saingan diberikan durian dari Thailand juga menyebabkan paras harga menjunam mendadak, dari RM6 minggu lalu kepada hanya RM1.50 sekilogram,” keluhnya, ketika ditemui Getaran di Kampung Lawang di sini hari ini.

Penurunan paras harga itu jelas beliau, antara lain turut didorong oleh tindakan pembekal yang mengenakan harga rendah, iaitu sekitar RM2 sekilogram.



Pekebun, Makhtar Zakaria, 68.

Seorang pekebun, Makhtar Zakaria, 68, berkata, durian miliknya yang ditanam di atas tanah seluas tiga hektar tidak dapat dijual ekoran pergerakan terhad pemborong.

Katanya, kesemua buah itu lazimnya akan dibeli enam pemborong tetap, namun jumlah berkenaan berkurangan kepada hanya dua, ekoran pelaksanaan PKP.

“Keadaan ini menyebabkan berlaku lambakan buah dan saya terpaksa menjual dengan harga yang murah kepada pemborong kerana mereka tiada persaingan.

“Saya mohon pihak berkenaan termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membuat tinjauan di kawasan ini untuk mengelakkan penduduk kampung terus mengalami kerugian,” katanya.

Wan Mohd Rosdi Wan Mohamad, 37, pula berkata, dia mengusahakan kebun durian seluas 2.4 hektar dan kebunnya mampu mengeluarkan hasil sebanyak 500 kg sehari, mencakupi buah dari gred A dan B.

Katanya, pemborong memilih untuk hanya membeli buah gred A dan sebagai akibat, durian dari gred lebih rendah terpaksa dijadikan tempoyak atau lempuk.

“Jika pemborong hendak beli, harga durian gred B hanya 50 sen sekilogram.

“Saya jangka harga durian akan terus turun memandangkan kemuncak pengeluaran buah itu akan tiba dalam tempoh seminggu atau dua minggu lagi,” katanya. - Getaran, 22 Julai 2021

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Tuduh FAMA tak bantu, pemborong durian akui tertekan



RAZMAN Zakaria (tengah) bertemu dengan pemborong durian yang mendakwa berlaku lambakan durian, Mohd. Firdaus Endut di Ijok dekat Larut, Perak, hari ini. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

LARUT: Seorang pemborong durian di sini mengakui kesilapannya apabila menuduh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) tidak membantunya ketika dia tidak dapat menjual kira-kira dua tan metrik raja buah itu di

Ijok, dekat sini, baru-baru ini.

Pemborong itu, Mohd. Firdaus Endut, 41, mengakui dia berada dalam keadaan beremosi ketika membuat tuduhan itu disebabkan rasa tertekan apabila lebih dua tan metrik buah durian yang dibelinya daripada penduduk, tidak dapat dijual.

Katanya, kerana tertekan dan terlalu emosi dengan keadaan itu, tanpa sedar dia mengatakan FAMA tidak pernah datang membantunya sehingga menyebabkan berlaku lambakan durian dalam satu rakaman video yang tular dalam media sosial.

“Kata-kata saya itu tidak tepat, saya tidak bermaksud untuk menyalahkan sesiapa cuma pada masa itu saya tertekan apabila melihat buah durian yang banyak di depan mata tetapi tidak boleh dijual,” katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Menurut Mohd. Firdaus, durian yang dibelinya daripada penduduk tidak dapat dijual disebabkan sambutan AidilAdha dan kesukaran untuk menjualnya di pasaran luar Perak.

Katanya, hanya peniaga sepertinya sahaja yang tahu bagaimana tekanan yang dialami apabila buah yang dibeli dalam kuantiti yang banyak namun tiba-tiba tidak dapat dijual.

“Selepas video rakaman saya tular, pihak FAMA tampil membantu dengan membeli lebih tiga tan metrik durian. Saya amat berterima kasih kepada FAMA atas bantuan segera mereka. Dengan bantuan FAMA, saya tidak lagi bimbang dengan masalah lambakan buah,” katanya.

Menurutnya, setiap hari dia membeli lebih tiga tan durian dari penduduk sekitar dan akan memasarkannya ke Terengganu dan Kelantan.

“Namun disebabkan musim durian berlaku serentak seluruh negeri, kini kami menghantarnya ke pasaran di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sahaja,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Bekalan Makanan negeri, Razman Zakaria yang menemui Mohd. Firdaus berkata, tiada lambakan buah durian berskala besar di Ijok dan Batu Kurau seperti yang didakwa malah dakwaan FAMA tidak membantu peniaga yang terlibat juga tidak tepat.

“Lambakan durian di sini disebabkan musim perayaan kerana pemborong tidak dapat memasarkan buah kepada peniaga lain iaitu peniaga yang menjual dengan membuka payung dan meja yang tidak beroperasi.

**“Dakwaan FAMA tidak membantu mungkin disebabkan maklumat apa yang berlaku di sini tidak sampai ke pengetahuan FAMA. Sekarang perkara ini telah selesai dan keadaan di sini terkawal,”
katanya. – UTUSAN ONLINE**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

'Video lambakan durian bukan untuk salahkan sesiapa'



Peniaga durian, Mohd Firdaus Endut (kiri) menunjukkan lambakan buah durian di premisnya kepada Razman (tengah). FOTO SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI

Larut: "Video itu saya tak bermaksud nak salahkan sesiapa, saya sedikit tertekan apabila lebih dua tan buah durian yang dibeli dari penduduk, tidak terjual." kata peniaga buah, Mohd Firdaus Endut, 41, berhubung video tular baru-baru ini yang mendakwa berlaku lambakan buah durian di premis perniagaannya di Ijok, di

sini.

Menurutnya, melalui video itu dakwaannya terhadap pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) tidak pernah datang dan membantunya juga tidak tepat sebaliknya dia mengakui ia terkeluar dari mulutnya secara tidak sengaja disebabkan tekanan dialami akibat masalah itu.

"Masalah lambakan durian yang berlaku pada hari kejadian, disebabkan hari raya haji di mana lebih dua tan buah durian yang dibeli daripada penduduk tidak terjual dan tidak dapat dibawa ke pasaran luar.

"Saya sedikit tertekan. Hanya peniaga buah saja yang tahu macam mana tekanan yang dialami apabila buah yang kita beli dari penduduk tidak terjual, namun selepas video itu tular pihak Fama tampil membantu kami dan membeli lebih tiga tan durian di sini.

"Saya tidak bermaksud untuk menyalahkan mereka (Fama) sebaliknya kata-kata itu terkeluar secara spontan dan terus tular di media sosial," katanya kepada media selepas menerima kunjungan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan Perak Razman Zakaria.

Menurutnya, pihaknya kesal dengan video tular itu dan amat berterima kasih kepada pihak Fama atas bantuan mereka sekali gus dapat mengatasi lambakan buah durian yang berlaku di premisnya.

"Setiap hari kami membeli lebih tiga tan durian daripada penduduk sekitar dan akan memasarkannya ke Terengganu dan Kelantan.

"Namun disebabkan musim durian ini berlaku serentak seluruh negeri, kini kami menghantarnya untuk pasaran di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sahaja.

"Alhamdulillah dengan bantuan FAMA kini, saya tidak lagi bimbang dengan masalah lambakan buah-buahan yang berlaku di sini," katanya.

Sementara itu, Razman berkata, masalah lambakan yang berlaku di kawasan Ijok sudah selesai dan Fama bertindak membeli lebih tiga tan buah durian di situ untuk diproses dan di pasarkan di Ipoh, Sungai Petani, Kedah dan Selayang, Selangor.

Menurutnya, tiada lambakan berskala besar berlaku di Ijok dan Batu Kurau malah dakwaan kononnya Fama tidak membantu peniaga-peniaga ini adalah tidak tepat.

"Isu lambakan yang berlaku di sini timbul disebabkan musim perayaan dan pemborong tidak dapat memasarkan hasil yang dibeli, malah peniaga yang membuka payung dan meja di tepi jalan juga tidak beroperasi.

"Berhubung dakwaan Fama tidak membantu peniaga sebegini mungkin disebabkan maklumat atau masalah lambakan buah-buahan itu tidak sampai ke pengetahuan mereka.

"Jadi perkara ini sudah diselesaikan dan keadaan di sini masih terkawal," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2021	KOSMO	ONLINE	

Peniaga durian mohon maaf



LARUT – Gara-gara gagal tertekan apabila lebih dua tan buah durian tidak terjual menyebabkannya seorang peniaga memuat naik sebuah video hingga tular kononnya berlakunya lambakan buah di premis jualannya di Ijok baru-baru ini.

Peniaga tersebut, Mohd. Firdaus Endut, 41, bagaimana pun kesal serta menyedari kesilapannya apabila memuat naik video berkenaan dalam keadaan emosi.

“Disebabkan emosi dalam video itu tanpa sedar, saya terkeluar perkataan tanpa sengaja mengatakan pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) tidak pernah datang membantu saya.

“Kata-kata itu tidak tepat dan saya tidak bermaksud untuk menyalahkan sesiapa cuma disebabkan tertekan apabila melihat buah durian yang banyak depan mata tidak terjual,” katanya ketika ditemui di premis jualannya di sini.

Menurut Mohd. Firdaus, lambakan buah durian pada hari tersebut disebabkan sambutan Aidil Adha menyebabkan dia tidak dapat membawa keluar buah-buah tersebut.

Bagaimana pun, selepas video itu menjadi tular pihak FAMA daerah ini telah tampil membantunya dengan membeli kira-kira tiga tan buah durian.

Mohd. Firdaus yang kesal dengan video yang tular itu amat berterima kasih kepada FAMA sekali gus dapat mengurangkan kerugian yang ditanggung.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perladangan dan Pertanian negeri Perak, Razman Zakaria berkata, masalah lambakan yang berlaku di kawasan Ijok telah selesai apabila FAMA telah bertindak membeli lebih tiga tan buah durian untuk dipasarkan di Ipoh, Sungai Petani, Kedah dan Selayang, Selangor.

Menurutnya, tiada lambakan besar berlaku di Ijok dan Batu Kurau, malah dakwaan kononnya FAMA tidak membantu peniaga-peniaga ini adalah tidak tepat.

“Isu lambakan timbul disebabkan musim perayaan dan pemborong tidak dapat memasarkan hasil yang dibeli, malah para peniaga yang membuka payung dan meja ditepi jalan juga tidak beroperasi.

“Jadi, perkara ini telah pun diselesaikan,” ujarnya.- K! ONLINE



RAZMAN (tengah) ketika mengunjungi Mohd. Firdaus (kiri) di premis jualan durianya di Ipoh semalam.

Peniaga durian mohon maaf

LARUT – Seorang peniaga durian tampil memohon maaf dan mengakui telah membuat kesilapan susulan tindakannya memuat naik sebuah video sehingga tular koronanya berlaku lambakan buah di premis jualannya di Ipoh di sini baru-baru ini.

Mohd. Firdaus Endut, 41, berkata, tindakan yang dilakukannya itu adalah disebabkan sangat tertekan dan terlalu beremosi apabila lebih dua tan buah durian miliknya tidak terjual.

"Disebabkan emosi dalam video itu, saya telah mengeluarkan perkataan tanpa sengaja dengan mendakwa pihak Lembaga Peredaran Peranian Persekutuan (FAMA) tidak pernah datang

membarfu.

"Kata-kata itu tidak tepat dan saya tidak bermaksud untuk menyalahkan sesiapa cuma disebabkan tertekan apabila melihat buah durian yang banyak depan mata tidak terjual" katanya ketika ditemui di premis jualannya di sini semalam.

Menurut Mohd. Firdaus, lambakan buah durian berlaku pada hari berkenaan disebabkan sambutan Aidiladha sehingga menyukarkannya untuk membawa keluar buah berkenaan.

Begaimanapun, selepas video itu menjadi tular, pihak FAMA daerah ini telah tampil membarutnya dengan membeli kira-kira tiga tan buah durian.

"Saya kesal dengan video itu dan amat berterima kasih kepada FAMA kerana telah mengurangkan kerugian yang saya tanggung," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perladangan dan Pertanian negeri Perak, Razman Zakaria berkata, masalah lambakan yang berlaku di kawasan Ipoh telah selesai apabila FAMA telah bertindak membeli lebih tiga tan buah durian untuk dipasarkan di Ipoh, Sungai Petani, Kedah dan Selayang, Selangor.

Menurutnya, tiada lambakan besar berlaku di Ipoh dan Batu Kurau, malah dakwaan kononnya FAMA tidak membantu peniaga-peniaga ini adalah tidak tepat.

23/7/2021

SINAR HARIAN

NEGERI PERAK/
P.PINANG

27

FAMA beli 3 tan durian peniaga

Susulan tular video penjual di Larut bimbang durian tak laku

Oleh SAIFULLAH AHMAD

LARUT

Panik dua tan durian tidak terjual, seorang pe-niaga bertindak menularkan video di media sosial untuk menarik simpati orang ramai termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Peniaga tersebut, Mohd Firdaus Endut, 41, berkata, video itu dirakam secara spontan di geraianya di Ijok di sini pada Isnin sebelum tular beberapa hari.

Menurutnya, video yang tular itu berjaya menarik perhatian Exco Perlindungan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria dan pihak FAMA yang

membantu menyelesaikan masalah tersebut.

“Video itu sebenarnya tidak bermiat untuk menyalahkan sesiapa termasuk FAMA, tetapi apa yang berlaku itu spontan sebab saya ketika itu dalam keadaan ter-tekan, buah banyak tak boleh jual.”

“Lambakan durian berlaku ketika itu dengan kira-kira dua tan buah tidak boleh dijual kerana pemborong tak ambil sebab Hari Raya Aidiladha,” katanya ke-pada pemberita selepas ditemui di premisnya di Ijok di sini pada Khamis.

Mohd Firdaus turut mengakui dakwaan bahawa FAMA tidak mengambil tahu tentang masalah yang dihadapi dalam video tular itu tidak tepat dan menghargai tindakan pantas FAMA membeli buah durianya.

Katanya, sebelum ini terdapat pemborong dari Kelantan dan Terengganu yang mengambil buah durian itu, namun disebabkan kekangan hari raya serta buah durian



Mohd Firdaus (kiri) memberi penerangan kepada Razman (tengah) mengenai isu durian yang tular sebelum ini di premis jualannya di Ijok, Larut pada Khamis.

yang luruh serentak mengakibatkan lambakan tersebut berlaku.

Menurutnya, ketika ini harga durian kampung di peringkat pe-raih adalah antara RM2.50 hingga RM3.50 sekilogram kerana jumlah tidak berlaku lambakan buah

durian yang luruh semakin banyak.

Sementara itu, Razman yang turun padang melihat keadaan itu menegaskan bahawa FAMA sentiasa proaktif dalam memastikan tidak berlaku lambakan buah

durian bagi membantu pekebun dan peraih.

Menurutnya, sebanyak tiga tan durian milik Mohd Firdaus diambil oleh FAMA untuk dipasarkan ke Kedah, Selangor dan Perak.

“Kita harap petani boleh terus berhubung dengan FAMA atau pejabat saya jika berlaku masalah lambakan durian. Tak perlulah buat video dan tularan untuk selesaikan masalah.”

“Keadaan ini sebenarnya berlaku disebabkan pemborong dan peniaga tidak dapat mengambil durian disebabkan hari raya. Kedai-kedai juga banyak yang tutup,” katanya.

Menurutnya, lambakan yang berlaku tidaklah begitu besar dan dakwaan FAMA tidak membantu petani juga tidak tepat.

Beberapa hari lalu, video berdurasi 2 minit 22 saat itu tular di media sosial berkenaan berlaku lambakan durian dengan mendakwa FAMA tidak mengambil tahu keadaan tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/7/2021	KOSMO	NIAGA	30

'Ikhlas untuk Malaysia' misi Bernas bantu masyarakat

PETALING JAYA - Pacific Beras Nasional Bhd. (Bernas) melalui program tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) telah menggerakkan misi bantuan menerusi inisiatif 'Ikhlas untuk Malaysia' membantu golongan yang kurang bernasib baik menghadapi hari-hari menandatangani dalam tempoh sukar kini.

Menurut kenyataan, syarikat telah memperuntukkan hampir 3,000 kotak makanan mengandungi pelbagai barangan keperluan asas seperti beras, tepung, gula, minyak masak dan lain-lain. Anggota kerjanya di seluruh negeri di Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak telah mula mengedarkan bantuan makanan

tersebut kepada masyarakat setempat secara berperingkat melalui 33 buah lokasi pusat operasi Bernas.

"Inisiatif ini diharap dapat meringankan beban kumpulan masyarakat yang rata-ratanya terjejas punca pendapatan dan memerlukan sokongan bagi meneruskan kelangsungan hidup sepanjang tempoh pelaksanaan lockdown di seluruh negara.

"Bernas melihat inisiatif ini sebagai salah satu peluang untuk syarikat menyumbang semula kepada masyarakat seiring dengan matlamat berkongsi ke-makmuran bersama penduduk secara lebih inklusif," jelas kenyataan tersebut.



BERNAS menggerakkan kakitangannya di seluruh negeri termasuk di Sabah dan Sarawak untuk membekalkan sumbangan barangan keperluan makanan sampai kepada kumpulan sasarannya.

Bernas sumbang kotak makanan

PETALING JAYA: Padiberas Nasional Berhad (Bernas) memperuntukkan hampir 3,000 kotak makanan menerusi inisiatif IKHLAS untuk Malaysia bagi membantu golongan rentan yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Menurut Bernas, kotak makanan tersebut mengandungi pelbagai barang keperluan asas seperti beras, tepung, gula, mi, nyak masak dan sebagainya.

Katanya, anggota kerja Bernas di seluruh negara telah mula mengedarkan bantuan makanan tersebut kepada masyarakat setempat secara berperingkat melalui 33 buah lokasi pusat operasi Bernas.

"Inisiatif ini diharapkan dapat meringankan beban kumpulan masyarakat yang rata-ratanya terjejas punca pendapatan dan memerlukan sokongan bagi me-

neruskan kelangsungan hidup sepanjang tempoh pelaksanaan sekatan pergerakan di seluruh negara.

"Selaku organisasi yang bertanggungjawab bagi menjamin kestabilan bekalan beras dan jaminan bekalan makanan negara, Bernas turut melihat inisiatif ini sebagai salah satu peluang untuk syarikat menyumbang semula kepada masyarakat seiring dengan matlamat berkongsi ke-makmuran bersama penduduk secara lebih inklusif," katanya dalam kenyataannya.

Menurut Bernas, IKHLAS untuk Malaysia merupakan sebahagian daripada pendekatan yang diambil syarikat itu.

Katanya, ia bagi memastikan kesejahteraan masyarakat dalam negara ini dapat terus dipelihara.



PENERIMA Kotak Sumbangan IKHLAS untuk Malaysia bersama warga kerja Bernas di Kuching, Sarawak.

23 JUL, 2021

Sektor pelancongan tenat, pemandu alam sekitar tanam cili

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Sektor pelancongan tenat, pemandu alam sekitar tanam cili

Oleh **HARIS FADILAH AHMAD**
utusannews@mediamula.com.my

JERANTUT: Seorang pemandu alam sekitar di Taman Negara Kuala Tahan yang kehilangan pendapatan sejak negara dilanda pandemik Covid-19 tahun lalu beralih kepada mengusahakan tanaman cili kulai demi meneruskan kehidupan.

Tanaman itu diusahakan berdekatan rumahnya di Kampung Kuala Tahan di sini setelah sektor pelancongan di Taman Negara terhenti operasi ekoran sekatan perjalanan dan rentas negeri.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mohd. Kamil Hakim Rozali, 31, berkata, sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0, dia dirundung perasaan kecewa dan 'termenung' lama memikirkan nasibnya tanpa pekerjaan dan pendapatan.

"Ini kerana Taman Negara ditutup sementara, malah, pelancong Barat dan pengunjung domestik tidak lagi datang bersiar di taman hutan tropika ini menyebabkan saya antara kalangan kira-kira 300 orang pengusaha dan penggiat sektor ini kehilangan pendapatan.

"Jadi, muncul keadaan serba



MOHD. KAMIL HAKIM Rozali menunjukkan tanaman cili kulai secara fertigasi di Kampung Kuala Tahan di Jerantut, Pahang. -UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

salah dan diruntun kesukaran kerana sebelum ini pekerjaan di sektor ekopelancongan memperoleh pendapatan yang agak selesa," katanya di Kuala Tahan di sini semalam.

Mohd. Kamil Hakim berkata, semangatnya kembali pulih apabila dinasihatkan oleh keluarga supaya mengalih pekerjaan dengan mengusahakan tanaman (pertanian) komersial di kawasan tanah milik mereka seluas

0.4 hektar berdekatan rumah.

"Lagipun, saya memilih bidang pertanian atas nasihat dan dorongan daripada Pengurus Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tembeling Tengah yang pejabat agensi tersebut berdekatan dengan rumah saya.

"Langkah awal saya menanam cili kulai melalui kaedah fertigasi menerusi tunjuk ajar amalan pertanian daripada PPK Tembeling Tengah, malah, ra-

kan yang pernah mengusahakan tanaman komersial ini tidak lokek berkongsi pengalaman," katanya.

Bercerita selanjutnya, beliau berkata, dia memulakan tanaman cili kulai fertigasi sejak awal tahun ini dengan menggunakan modal daripada duit simpanan sendiri dan bantuan keluarga untuk membeli polibeg, peralatan pertanian dan pengu-rusan lain.

Katanya, berasaskan usaha pertanian yang sama diamalkan oleh rakannya di Kuala Tahan, dia begitu yakin bidang pertanian antara sektor yang tidak akan terjejas semasa pandemik Covid-19, sekaligus, ada jaminan pada masa akan datang.

"Saya menanam sebanyak 1,800 benih cili dalam polibeg dan dalam tempoh lebih dua bulan, barulah hasil pertama mula dipetik seberat kira-kira 100 kilogram dan dipasarkan di Kuala Tahan dan Jerantut.

"Pada pusingan seterusnya, cili ini diambil oleh pemborong yang datang secara berjadual di pusat pengumpulan hasil di Felda Sungai Retang untuk dihantar ke pasar Selayang, Selangor dan Pasar Tani Kuala Lumpur," katanya.



23 JUL, 2021

Sektor pelancongan tenat, pemandu alam sekitar tanam cili

[Utusan Malaysia, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

JERANTUT: Seorang pemandu alam sekitar di Taman Negara Kuala Tahan yang kehilangan pendapatan sejak negara dilanda pandemik Covid-19 tahun lalu beralih kepada mengusahakan tanaman cili kulai demi meneruskan kehidupan. Tanaman itu diusahakan berdekatan rumahnya di Kampung Kuala Tahan di sini setelah sektor pelancongan di Taman Negara terhenti operasinya kerana sekatan perjalanan dan rentas negeri. Bercakap kepada Utusan Malaysia, Mohd. Kamil Hakim Rozali, 31, berkata, sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.

28/7/2021

UTUSAN

DALAM

25

MALAYSIA

NEGERI

Sektor pelancongan tenat, pemandu alam sekitar tanam cili

Oleh **HARIS FADILAH AHMAD**
utusannews@mediamulia.com.my

JERANTUT: Seorang pemandu alam sekitar di Taman Negara Kuala Tahan yang kehilangan pendapatan sejak negara dilanda pandemik Covid-19 tahun lalu beralih kepada mengusahakan tanaman cili kulai demi meneruskan kehidupannya.

Tanaman itu diusahakan berdekatan rumahnya di Kampung Kuala Tahan di sini setelah sektor pelancongan di Taman Negara terhenti operasi ekoran sekatan perjalanan dan rentas negeri.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mohd. Kamil Hakim Rozali, 31, berkata, sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0, dia dirundung perasaan kecewa dan 'ternung' lama memikirkan nasibnya tanpa pekerjaan dan pendapatan.

"Ini kerana Taman Negara ditutup sementara, malah, pelancong Barat dan penguunjung domestik tidak lagi datang bersiar di taman hutan tropika ini menyebabkan saya antara kalangan kira-kira 300 orang pengusaha dan penggiat sektor ini kehilangan pendapatan.

"Jadi, muncul keadaan serba



MOHD. KAMIL HAKIM ROZALI menunjukkan tanaman cili kulai secara fertigasi di Kampung Kuala Tahan di Jerantut, Pahang. -UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

salah dan diruntun kesukaran kerana sebelum ini pekerjaan di sektor ekopelancongan memperoleh pendapatan yang agak selesa," katanya di Kuala Tahan di sini semalam.

Mohd. Kamil Hakim berkata, semangatnya kembali pulih apabila dinasihatkan oleh keluarga supaya mengalih pekerjaan dengan mengusahakan tanaman (pertanian) komersial di kawasan tanah milik mereka seluas

kan yang pernah mengusahakan tanaman komersial ini tidak lokek berkongsi pengalaman," katanya.

Bercerita selanjutnya, beliau berkata, dia memulakan tanaman cili kulai fertigasi sejak awal tahun ini dengan menggunakan modal daripada duit simpanan sendiri dan bantuan keluarga untuk membeli polibeg, peralatan pertanian dan pengu-rusan lain.

Katanya, berasaskan usaha pertanian yang sama diamalkan oleh rakannya di Kuala Tahan, dia begitu yakin bidang pertanian antara sektor yang tidak akan terjejas semasa pandemik Covid-19, sekaligus, ada jami-nan pada masa akan datang.

"Saya menanam sebanyak 1,800 benih cili dalam polibeg dan dalam tempoh lebih dua bulan, barulah hasil pertama mula dipetik seberat kira-kira 100 kilogram dan dipasarkan di Kuala Tahan dan Jerantut.

"Pada pusingan seterusnya, cili ini diambil oleh pemborong yang datang secara berjadual di pusat pengumpulan hasil di Felda Sungai Retang untuk dihantar ke pasar Sela-yang, Selangor dan Pasar Tani Kuala Lumpur," katanya.

0.4 hektar berdekatan rumah.

"Lagipun, saya memilih bidang pertanian atas nasihat dan dorongan daripada Pengurus Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tembeling Tengah yang pejabat agensi tersebut berdekatan dengan rumah saya.

"Langkah awal saya menanam cili kulai melalui kaedah fertigasi menerusi tunjuk ajar amalan pertanian daripada PPK Tembeling Tengah, malah, ra-